

Headline	TPM terima gelaran Datuk Seri Diraja, Mukhriz bergelar Datuk Seri		
MediaTitle	Mingguan Malaysia		
Date	19 Jan 2014	Language	Malay
Circulation	459,793	Readership	1,854,000
Section	Dlm Negeri	Color	Full Color
Page No	5	ArticleSize	191 cm ²
AdValue	RM 4,279	PR Value	RM 12,836



TPM terima gelaran Datuk Seri Diraja, Mukhriz bergelar Datuk Seri

ALOR SETAR 18 Jan. - Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dianugerahkan Darjah Seri Setia Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah Yang Amat DiHormati (S.H.M.S) yang membawa gelaran Datuk Seri Diraja sempena keputeraan Sultan Kedah, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah yang ke-86 di Istana Anak Bukit esok.

Menteri Besar Kedah, Datuk Mukhriz Tun Dr. Mahathir pula menerima Darjah Seri Paduka Mahkota Kedah Yang Amat DiHormati (S.P.M.K) yang membawa gelaran Datuk Seri.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Ahmad Bashah Md. Hanipah pula dikurniakan Darjah Seri Setia Di Raja Kedah Yang Amat DiHormati (S.S.D.K) yang membawa gelaran Datuk Seri.

Seramai tiga orang akan me-

nerima Darjah Paduka Seri Setia Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (D.H.M.S) yang membawa gelaran Datuk Paduka.

Mereka ialah Setiausaha Kerajaan negeri, Datuk Mohd. Puat Mohd. Ali, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Polis Diraja Malaysia, Datuk Seri Syed Ismail Syed Azizan dan Pengerusi Yayasan Muhibah, Tan Sri Fng Ah Seng.

Seramai 10 orang menerima Darjah Gemilang Seri Mahkota Kedah (D.G.M.K) yang membawa gelaran Datuk Wira antaranya ialah Pegawai Kewangan negeri, Datuk Khazali Din; Pengarah Tanah dan Galian negeri,

Datuk Muhamad Nor Rofie; Naib Canselor Universiti Utara Malaysia, Profesor Datuk Dr. Mohamed Mustafa Is-hak.

Dua orang menerima Darjah Kebesaran Mahkota Kedah (D.P.M.K) dan 67 lagi menerima Darjah Setia Diraja Kedah (D.S.D.K) yang kedua-duanya membawa gelaran Datuk.

Dua penerima D.P.M.K ialah Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Strategik) Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Ab. Ghani Ariffin dan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA), Tan Sri Khalid Ramli.

Antara penerima D.S.D.K ialah Pengerusi Jawatankuasa Agama, Pelancongan dan Tenaga Manusia negeri, Mohd. Rawi Abdul Hamid; Pegawai Daerah Kuala Muda, Ahmad Fisol Md. Noor; Pengarah Jabatan Kesihatan negeri, Dr. Ismail Abu Taat dan Pengarah Jabatan Pendidikan negeri, Mansor Lat.

Dr. Annabel Teh Gallop yang merupakan Ketua Southeast Asia Section, Perpustakaan British dikurniakan Darjah Setia Diraja (D.S.D.K Kehormat) yang membawa gelaran Datuk.

Seramai 28 orang dianugerahkan Jaksa Pendamai (J.P) antaranya ialah Pengerusi Penggala-

kan Pelancongan Malaysia, Datuk Seri Dr. Ng Yen Yen; Pengerusi Kraftangan Malaysia, Datuk So-haimi Shahadan dan Pengarah Urusan Arah Mutiara Sdn. Bhd., Datuk Ahmad Sobri Wan Teh.



MUKHRIZ MAHATHIR



AHMAD BASHAH